

Kenyataan Media

Darah Dan Nyawa Umat Islam, Begitu Juga Dengan Tanahnya, Sentiasa Terancam Apabila Tidak Ada Penjaganya

Di saat negara sedang dilanda demam pilihan raya, kita dikejutkan dengan pembunuhan ke atas seorang Imam yang berasal dari Palestin, yang ditembak ketika sedang berjalan kaki dari rumahnya menuju ke surau untuk solat Subuh. Pensyarah Universiti Kuala Lumpur British-Malaysian Institute (UniKL BMI), Dr. Fadi M R Albatsh Fatma, 35, ditembak dari jarak dekat oleh dua penunggang motosikal dan meninggal di tempat kejadian. Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, rakaman kamera litar tertutup (CCTV), menunjukkan dua lelaki menaiki motosikal berkuasa tinggi menunggu mangsa di luar kondominium tempat beliau menginap sebelum melepaskan tembakan. Selain faktor motif, pembunuhan yang dilakukan di tempat terbuka ini sudah tentu dilakukan oleh mereka yang nekad dan telah dirancang dengan teliti.

Hizbut Tahrir / Malaysia dengan ini mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan semoga mereka diberi kekuatan serta ketabahan oleh Allah (swt) menghadapi ujian ini. Semoga Allah (swt) menerima segala amal kebaikan yang dilakukan oleh mangsa di sepanjang hidupnya.

Dua tahun lepas kita dikejutkan dengan pembunuhan King Jong Nam, abang tiri pemimpin Korea Utara, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2, yang juga merupakan satu pembunuhan terancang dan nekad yang dilakukan di tempat terbuka. Pembunuhan warga luar yang paling tragis dan sensasi ialah ke atas seorang model Mongolia, Altantuya Shaariibuu yang sampai ke hari ini masih “menghantui” negara. Selain pembunuhan warga luar di Malaysia, pembunuhan terbuka yang berlaku ke atas warganegara Malaysia sendiri, dari kes yang tidak berprofil hingga kepada kes yang berprofil tinggi, sudah seperti menjadi satu fenomena. Dua tahun lepas, negara digemparkan dengan pembunuhan ke atas seorang lelaki yang ditembak oleh 4 orang penunggang motosikal dengan kira-kira 16 das tembakan dari jarak dekat, berhampiran persimpangan lampu isyarat Jalan Genting Klang, Setapak. Pembunuhan ke atas pengasas Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian (AmBank), Hussain Ahmad Najadi pada 29 Julai 2013 juga menggemparkan negara apabila beliau maut ditembak di kawasan parkir kereta. Pada tahun yang sama, Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim, maut ditembak dua lelaki bermotosikal ketika kenderaan yang dinaikinya berhenti di persimpangan lampu isyarat di Putrajaya.

Pembunuhan terbuka sekarang ini sudah menjadi suatu bentuk yang biasa, selain bentuk pembunuhan lainnya, yang menimbulkan banyak persoalan dan

keresahan kepada rakyat. Di sebalik undang-undang ketat tentang senjata api di Malaysia, bagaimakah para pembunuhan ini memperolehi senjata dan peluru dengan begitu mudah? Inilah antara persoalan utama, selain daripada persoalan motif dan skandal, dan selain daripada persoalan kesungguhan dan kecekapan kerajaan dan pihak berkuasa dalam menjaga keselamatan rakyat yang kini sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman, baik di tempat tertutup maupun terbuka.

Banyak akhbar melaporkan yang pembunuhan Imam dari Palestin ini didalangi badan perisikan entiti Yahudi, Mossad, sebagai memetik kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Jihad Islam Palestin, Khaled al-Batash. Khaled dalam kenyataannya, sebagaimana dilaporkan juga dalam portal berita entiti haram tersebut, Haaretz, turut mengakui yang Fadi adalah jurutera Palestin dan terbabit dalam pergerakan Hamas. Menteri Pertahanan entiti Yahudi bagaimanapun menafikan yang Mossad terlibat dalam pembunuhan tersebut.

Jika benar Mossad ada di sebalik pembunuhan ini, maka kita wajar kembali kepada persoalan utama tentang Palestin. Wujudnya Mossad adalah kerana wujudnya "Israel" yang lahir dengan cara hina di atas tanah Palestin dengan bantuan kuffar British. Entiti haram Yahudi itu kini dijaga dengan baik oleh kuasa kuffar khususnya Amerika dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Inilah akar permasalahan Palestin yakni sebuah tanah umat Islam yang dirampas oleh Yahudi dengan kekerasan untuk mereka mendirikan negara yang mereka kenali sebagai "Israel". Maka, selagi "Israel" tidak dicabut dari akar-akarnya, selagi itulah Mossad akan terus wujud. Palestin wajib dibebaskan dengan jalan jihad oleh penguasa dan tentera kaum Muslimin, dan hanya dengan jalan itu sahajalah "Israel" akan lenyap dari bumi Palestin. Tanah yang diberkati itu akan terus terjajah dan warganya akan terus menjadi mangsa kuasa kuffar dengan begitu mudah selagi Palestin tidak dibebaskan. Tidak hanya Palestin, lihatlah di mana sahaja bahagian dunia ini, sudah tidak ada lagi keselamatan dan keamanan ke atas umat Islam dan tanahnya, apabila yang menguasai dunia ialah musuh-musuh Islam dan ejen-ejen mereka. Sudah tidak ada lagi keselamatan dan keamanan ke atas umat Islam apabila umat ini dipimpin oleh para penguasa yang berkiblatkan Barat, yang khianat, yang mementingkan diri sendiri dan tidak mempedulikan keselamatan dan keamanan mereka. Sesungguhnya tidak akan ada keamanan dan keselamatan ke atas umat Islam dan tanahnya selagi umat ini tidak mempunyai penjaganya, seorang Khalifah yang bertakwa yang memimpin sebuah Negara Khilafah yang berdiri di atas jalan kenabian.

**Abdul Hakim Othman
Jurucakap Hizbut Tahrir Malaysia**